



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI SELANGOR**

**KERATAN AKHBAR
10 OGOS 2020 (ISNIN)**



DISEDIAKAN OLEH :
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT



KERATAN AKHBAR 10 OGOS 2020 (ISNIN)



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	MPKL sita barangan penjaja warga asing
MUKA SURAT	28

MPKL sita barangan penjaja warga asing *m/s-28*



MPKL menyita barangan penjaja warga asing yang menjual ais krim di Pantai Morib semalam.

KUALA LANGAT - Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) semalam menyita barangan penjaja warga asing yang menjual ais krim di Pantai Morib kerana tidak mempunyai lesen menjaja.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL), Datuk Amirul Azizan Abd Rahim berkata, warga asing berkenaan sering membawa masuk motosikalnya di kawasan pantai

dan membahayakan pengunjung yang beriadah terutama pada hujung minggu.

“Penguatkuasaan dan tindakan dijalankan di bawah UUK 3, Undang-Undang Kecil Penjaja MDKL 2007,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Katanya, penjaja yang ingin menjalankan perniagaan perlu memperoleh lesen yang sah daripada MPKL.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	Larangan minum arak, merokok di taman awam
MUKA SURAT	26

Larangan minum arak, merokok di taman awam

m/s - 26



Amirudin (dua dari kiri) ketika melancarkan Kempen Larangan Aktiviti Meminum Arak dan Menghisap Rokok di kawasan taman awam di Taman Tasik Shah Alam semalam.

Selangor negeri pertama yang menguatkuasakan perintah larangan tersebut

Oleh MUHAMMAD AMINNURALIFF MOHD ZOKI

SHAH ALAM

Selangor menjadi negeri pertama di negara ini yang menguatkuasakan perintah arahan larangan aktiviti meminum arak, menghisap rokok di taman-taman awam.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, dua aktiviti itu sekiranya tidak dibendung ia akan menyumbang kepada pelbagai gejala serta isu negatif.

“Biarpun dua aktiviti ini dilakukan sebahagian kecil

masyarakat namun sekiranya tidak dibendung ia akan memberikan kesan kepada suasana harmoni dan kondusif sesebuah taman.

“Kerajaan negeri memandang serius kerana ia bukan sahaja menjejaskan pemandangan, malah memudaratkan pengujung,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas hadir merasmikan Majlis Pelancaran Kempen Larangan Aktiviti Meminum Arak dan Menghisap Rokok di dalam kawasan taman-taman negeri Selangor bertempat di Taman Tasik Shah Alam di sini semalam.

Amirudin berkata, larangan

meminum arak dan menghisap rokok di taman awam ini akan menjadikan suasana taman lebih selesa.

Mengambil kira pelbagai faktor maka kerajaan negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 8 Julai lalu mengambil ketetapan melarang aktiviti meminum

arak, merokok termasuk vape di semua taman-taman awam di negeri ini.

“Larangan ini bukan sahaja menjadikan taman-taman awam sebagai sebuah taman yang sihat dan kondusif malahan memberikan keselesaan kepada semua pengujung terutama warga emas dan kanak-kanak,” katanya.



14 TAHUN #KEKALNEUTRAL

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	'Sepatutnya polis ucap terima kasih kepada saya'
MUKA SURAT	23

'Sepatutnya polis ucap terima kasih kepada saya' *m/s - 23*

SUNGAI BULOH

- "Sepatutnya polis ucap terima kasih kepada saya," kata Pengasas Hot Burger, Mohd Asri Hamid berhubung pendedahan berani beliau mengenai kewujudan kegiatan judi dan penjualan rokok seludup di Bandar Baru Sungai Buloh di sini kelmarin.

Mohd Asri bagaimanapun berkata, perkara sebaliknya berlaku apabila pihak polis membuat laporan terhadap dirinya dengan mendakwa pendedahan itu sebagai tohmahan.

"Ia bukan tohmahan, ini cerita betul. Sepatutnya polis menghubungi saya ucap terima kasih, hantar bunga kepada saya, sepatutnya begitu, sebab saya sudah bagi maklumat," katanya dalam satu rakaman yang dimuat naik dalam laman sosial Facebook Malakat Tribune semalam.

Sementara itu, Mohd Asri berkata, dia sudah berusaha membuat pelbagai laporan kepada pihak berkuasa mengenai



MOHD ASRI

kegiatan berkenaan.

"Bukan saya tidak pernah maklum kepada polis, saya pernah memaklumkan perkara itu di Jabatan Integriti Pematuhan Standard Bukit Aman, tapi tiada sebarang tindakan susulan.

"Malah apabila saya melaporkan

maklumat mengenai kegiatan perjudian di kawasan itu, saya dapati identiti saya bocor kepada sindiket perjudian," katanya.

Menurutnya, selepas memaklumkan tentang kegiatan perjudian, tiba-tiba seorang lelaki dipercayai ahli sindiket judi memanggil pekerjaanya dan mempersoalkan tindakan dia sebagai majikan memaklumkan tentang aktiviti perjudian.

"Justeru, dengan siapa lagi saya nak mengadu dan berharap kalau bukan polis," katanya.

Beliau bagaimanapun memuji tindakan Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador yang segera memberikan kenyataan pantas untuk menyiasat segala dakwaannya.



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	Polis buat laporan terhadap Asri Janggut
MUKA SURAT	23

Polis buat laporan terhadap Asri Janggut

Bantu siasat video tular dakwaan perjudian dan penjualan rokok seludup di Sungai Buloh

Oleh AHMAD ISMADI ISMAIL

SUNGAI BULOH

Polis membuat laporan berhubung video dakwaan fitnah yang ditularkan seorang pemilik gerai burger semalam.

Ketua Polis Daerah Sungai Buloh, Superintendan Shafa'aton Abu Bakar berkata, individu berkenaan dikenali sebagai Asri Janggut disyaki menularkan video yang mendakwa pihak berkuasa tidak melakukan pemantauan terhadap kegiatan perjudian dan penjualan rokok seludup di kawasan Sungai Buloh akan dipanggil dalam masa terdekat.

"Individu berkenaan telah membangkitkan isu kegiatan perjudian di kawasan Bandar Baru Sungai Buloh.

"Dia turut memuat naik status berkemungkinan dirinya akan dibunuh atas tindakan memuat naik video di laman sosi-



Polis melakukan serbuan ke atas sebuah premis yang disyaki menjalankan aktiviti perjudian. Gambar kecil: Shafa'aton.

M/S-23

al," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah Sungai Buloh di sini semalam.

Beliau berkata, video yang tular di media sosial itu boleh menimbulkan fitnah dan merosakkan imej Polis Diraja Malaysia dalam menangani kegiatan perjudian di Sungai Buloh.

"Maklumat yang diberikan dalam video tersebut juga tidak tepat," katanya.

Shafa'aton berkata, pihaknya telah membuat enam serbuan di tempat berasingan di sekitar Bandar Baru Sungai Buloh kelmarin.

"Kita menahan dua lelaki

warga Bangladesh dan merampas lima tablet, satu modem dan wang tunai RM114 dalam serbuan itu manakala lima serbuan di tempat berlainan pula mendapati premis yang dinyatakan dalam keadaan berkunci.

"Kita terpaksa menggunakan pemotong besi untuk membuka pintu serbuan dan hasil pemeriksaan mendapati premis itu tidak beroperasi," katanya.

Kelmarin, Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador memaklumkan pihaknya tidak akan berkompromi terhadap mana-mana pihak yang terlibat dalam aktiviti perjudian.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	MPKL sita barangan penjaja warga asing
MUKA SURAT	28

Tunggu maklumat kontak rapat

Kerajaan Selangor pantau Surau Al-Jannah Seksyen 23, Shah Alam

Oleh MUHAMMAD AMINNURALIFF MOHD ZOKI

SHAH ALAM
m/s-24

Kerajaan Selangor sedang memantau perkembangan terkini Surau Al-Jannah Seksyen 23 susulan seorang jemaahnya mempunyai kontak rapat dengan seorang individu yang disahkan positif wabak koronavirus (Covid-19) daripada kluster Sivagangga.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, surau yang ditutup Jumaat lalu kini berada di bawah Jawatankuasa Bencana Negeri dan kerajaan negeri kini sedang menunggu maklumat berkaitan kontak rapat terbabit.

“Saya nasihatkan kepada masyarakat supaya sentiasa berhati-hati dan mengamalkan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan untuk menge-



FOTO: BERNAMA

Suasana di Surau Al-Jannah di Seksyen 23, Shah Alam yang ditutup serta-merta Jumaat lalu susulan ada dalam kalangan jemaahnya mempunyai kontak rapat dengan individu positif Covid-19 berkaitan kluster Sivagangga.

KLUSTER SIVAGANGGA

lakkan perebakan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Majlis Pelancaran Kempen Larangan Aktiviti Meminum Arak dan Menghisap Rokok di Taman-taman Negeri Selangor di Taman Tasik Shah Alam di sini semalam.

Terdahulu, Jumaat lalu, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) mengarahkan jawatankuasa Surau Al-Jannah Seksyen 23, Shah Alam di sini

menutup semua operasi surau berkenaan termasuk solat Jumaat, solat fardu lima waktu berjemaah dan aktiviti pengimarahannya.

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Mohd Shahzihan Ahmad berkata, turut diarah tutup adalah Kelas al-Quran dan Fardu Ain (Kafa) Integrasi Al-Jannah.

Penutupan itu dibuat berikutan terdapat ahli jemaah surau itu yang mempunyai kontak rapat dengan individu yang disahkan positif Covid-19.



KERATAN AKHBAR 10 OGOS 2020 (ISNIN)



AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	Siapa yang betul?
MUKA SURAT	1

Harian Metro

RASAI BERITA SEBENAR

SIAPA YANG BETUL?

DAKWAAN LIVE MOHD ASRI

SIAPA YANG BETUL?

SHAFATON

MOHD ASRI

M/S-1

MS 67

"Dakwaan wujud kegiatan perjudian di Bandar Baru Sungai Buloh seperti yang tular dalam laman sosial Facebook petang semalam (kelmarin) adalah fitnah dan tohmahan"

Shafa'aton Abu Bakar
Ketua Polis Daerah Sungai Buloh

"Walaupun saya tahu nyawa saya terancam apabila mendedahkan kegiatan judi di kawasan itu, namun saya tiada pilihan lain kerana sudah kehabisan cara untuk memperjuangkan perkara ini"

Mohd Asri Hamid,
Pemilik perniagaan Hot Burger Malaysia

"MBSA bukan bertindak sebarangan sebaliknya, mengambil pendekatan itu selepas teguran serta nasihat penguat kuasa tidak diendahkan peniaga terbabit"

Mohd Rashidi Ruslan
Timbalan Datuk Bandar Shah Alam

Dua video yang dimuat secara langsung dalam akaun Facebook Hot Burger Malaysia kelmarin yang mendedahkan kewujudan premis perjudian haram dan penjualan rokok seludup di kawasan Sungai Buloh hingga mendapat lebih 4 juta tontonan mencetuskan kontroversi. Agensi berkaitan iaitu PDRM dan MBSA mendakwa video yang dimuat itu berunsur fitnah manakala pemilik FB terbabit pula hanya menyatakan kebenaran selepas gerai burgernya disita.
Lapor Hafidzul Hilmi Mohd Noor dan Nurul Hidayah Bahaudin.

AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	'Walaupun nyawa terancam, saya tiada pilihan lain'
MUKA SURAT	6

isu panas hot burger

PENIAGA TEPI JALAN BUAT DAKWAAN KONTROVERSI SECARA LIVE

'Walaupun nyawa terancam, saya tiada pilihan lain'

M/S-6

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

Cyberjaya

"Walaupun menyedari nyawa terancam apabila membuat pendedahan kegiatan judi namun saya tiada pilihan kerana sudah habis cara untuk memperjuangkan isu ini," kata pemilik perniagaan Hot Burger Malaysia, Mohd Asri Hamid, 42.

Kelmarin, Mohd Asri membuat tiga siaran langsung di akaun Facebook Hot Burger Malaysia mengenai kewujudan beberapa premis judi dalam talian dan gerai peniaga warga Indonesia keturunan Aceh yang didakwa turut menjual rokok seludup di Bandar Baru Sungai Buloh.

Mohd Asri berkata, tindakan-



nya membuat siaran langsung di Facebook itu kerana kecewa dengan penguat kuasa Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) kerana bersikap 'pilih bulu' dengan peniaga di kawasan terabit.

"Sudah lebih 20 tahun saya berniaga burger di tepi jalan dan banyak kali tindakan saman dan sita dikenakan pihak berkuasa tempatan (PBT) terhadap gerai kami namun saya tidak pernah marah atau menyimpan dendam dengan perkara itu.

"Tetapi apa yang mengecewakan saya adalah tindakan MBSA yang hanya menyita dua gerai burger termasuk milik saya di lokasi itu, semalam (kelmarin) walaupun kami tidak berniaga sedangkan ada ramai peniaga lain di situ, tetapi tidak dikenakan tindakan sama.

"Jiran' saya, peniaga Aceh yang membuka khemah di tepi jalan

dan menjual rokok seludup serta beberapa premis judi pula boleh berniaga seperti biasa, tetapi gerai burger kami diambil tindakan," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Menurutnya, sebelum ini, dia pernah memohon dengan PBT untuk mendapatkan lesen perniagaan namun ditolak atas pelbagai alasan menyebabkan gerai miliknya dua kali disita di lokasi berkenaan.

Katanya, dia pergi ke pejabat cawangan di Sungai Buloh untuk meminta penjelasan mengapa gerai burger miliknya disita kali pertama, kira-kira tiga minggu lalu.

"Saya mahukan penjelasan kenapa hanya gerai kami disita namun premis judi dan gerai peniaga Aceh tidak diambil tindakan sama namun mereka tidak memberi jawapan.

"Amat mustahil jika MBSA ma-

hupun pihak polis tidak menyedari kewujudan mereka yang juga aktif menjalankan aktiviti sejak lebih setahun lalu.

"Ia semakin rancak sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) apabila premis judi didapati beroperasi hingga jam 3 pagi," katanya.

Katanya, dia pernah merujuk kewujudan premis judi kepada Bukit Aman termasuk Jabatan Integriti dan Pematuhan Pematuhan (JIPS) pada Mei lalu namun tiada tindakan lanjut.

"Lebih mengejutkan apabila ada individu dipercayai 'tauke' judi datang bertemu pekerja saya bertanya kenapa saya membuat aduan kepada pihak berkuasa.

"Bagaimana, mereka (sindiket judi) tahu saya ada membuat aduan (kepada polis) melainkan ada 'orang dalam' yang membocorkan maklumat sulit itu," katanya.

AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	'Masyarakat sekitar tahu kewujudan premis judi'
MUKA SURAT	6

'Masyarakat sekitar tahu kewujudan premis judi' m/s-6



Saya penduduk asal di kawasan (Sungai Buloh) ini dan masyarakat sekitar tahu kewujudan premis (judi) itu. Namun, itu adalah hak mereka (polis) untuk menafikan"

Mohd Asri

Cyberjaya

Polis Diraja Malaysia (PDRM) perlu melakukan siasatan walaupun membuat penafian berhubung kewujudan premis judi di Bandar Baru Sungai Buloh.

Pemilik perniagaan Hot Burger Malaysia, Mohd Asri Hamid, 42, berkata, ia adalah hak pihak berkenaan untuk mengeluarkan kenyataan sedemikian.

"Saya penduduk asal di kawasan (Sungai Buloh) ini dan masyarakat sekitar tahu kewujudan premis (judi) itu. Namun, itu adalah hak mereka (polis) untuk menafikan.

"Saya akan beri kerjasama kepada pihak polis dengan bantuan Peratuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) yang menyediakan khidmat guaman untuk kes ini," katanya.

Katanya, dia juga sudah berhubung dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), kelmarin bagi memberi maklumat lanjut mengenai perkara itu.

Dalam pada itu, tinjauan Harian Metro di lokasi terbabit petang semalam mendapati gerai milik peniaga Aceh dan beberapa peniaga lain di tepi jalan sudah ditutup.

Berhubung maklum balas Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Mo-

hd Asri berkata, dia tidak mempunyai sebarang konflik dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) terbabit berkaitan gerainya.

"Saya sering terima saman mahupun berdepan tindakan sita dan akan terus membayar saman, tetapi terlalu jelas kami 'dianaktirikan' oleh MBSA.

"Jika benar mereka (MBSA) mahu membantu kami, permudahkanlah urusan peniaga kecil-kecilan ini untuk mendapatkan lesen perniagaan secara sah.

"Kami tidak buat jenayah, tetapi sekadar mahu mencari makan bagi menampung keluarga," katanya.

Sementara itu, Ketua Aktivist PPIM Datuk Nadzim Johan berkata, pihaknya akan memberi bantuan kaunseling serta perlindungan kepada Mohd Asri yang berkemungkinan terdedah ancaman pihak tertentu.

"Apabila perkara sebegini didekahkan, pastinya ada ancaman kepada individu terbabit terutama membabitkan kegiatan jenayah seperti pusat judi.

"Ini bukan masa menuding jari kepada mana-mana pihak namun kami harap pihak berkuasa segera membuat siasatan supaya masalah itu dapat diselesaikan," katanya.



KERATAN AKHBAR 10 OGOS 2020 (ISNIN)



AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	Bukit Aman sudah memulakan tindakan : KPN
MUKA SURAT	7



isu panas hot burger

Bukit Aman sudah memulakan tindakan: KPN

Oleh Hafidzul Hilmi Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Polis Diraja Malaysia (PDRM) memberi jaminan tindakan segera akan diambil bagi membanteras kegiatan perjudian dalam talian, penjualan rokok seludup dan aktiviti perniagaan warga asing di Sungai Buloh.

Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Hamid Bador berkata, mereka yang didapati bersekongkol dalam aktiviti jenayah itu juga bakal ber-

Bukit Aman sudah memulakan tindakan sebaik pendedahan mengenai kegiatan itu dibuat menerusi video oleh seorang peniaga, dipercayai penjual burger di kawasan Sungai Buloh”

Abdul Hamid

depan tindakan tegas.

“Bukit Aman sudah memulakan tindakan sebaik pendedahan mengenai kegiatan itu dibuat menerusi video oleh seorang peniaga,

dipercayai penjual burger di kawasan Sungai Buloh.

“Bagus ada pihak berani dan ikhlas mendedahkan situasi sebenar di lapangan dan kita bertindak segera ke atas semua kegiatan salah ini,” katanya.

Dua video yang tular menerusi laman sosial Facebook atas nama akaun Hot Burger Malaysia, kelmarin mendedahkan kegiatan premis mesin judi dan aktiviti penjualan rokok seludup dan operasi perniagaan haram dalam kalangan warga asing.

Satu video berdurasi 13.28 saat sudah ditonton oleh 3.6 juta orang selepas 18 jam disiarkan, satu lagi video berdurasi 8.29 saat ditonton oleh 1.4 juta penonton.



KERATAN AKHBAR 10 OGOS 2020 (ISNIN)



AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	Dua sitaan dalam dua bulan : MBSA
MUKA SURAT	6

Dua sitaan dalam dua bulan: MBSA

m/s-6

Shah Alam: Sudah dua kali tindakan sitaan dibuat dalam tempoh dua bulan kerana peniaga meninggalkan peralatan perniagaan di tempat awam sehingga mengganggu lalu lintas dan mengancam keselamatan pengguna jalan raya.

Nasihat diberikan namun didakwa diabaikan peniaga burger menyebabkan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menyita lagi peralatan perniagaan berkenaan di Sungai Buloh, kelmarin yang video mengenainya viral di media sosial.

Timbalan Datuk Bandar Shah Alam Mohd Rashidi Ruslan menjelaskan, pihaknya bukan bertindak sebarangan sebaliknya, mengambil pendekatan itu selepas teguran serta nasihat penguat kuasa tidak diendahkan peniaga terbabit.

“Peniaga berkenaan meninggalkan peralatan selepas selesai aktiviti perniagaan sehingga menyebabkan masalah lalu lintas dan juga (mengancam) keselamatan pengguna jalan raya.

“Sebelum ini, pihak MBSA memberi teguran dan nasihat kepada peniaga agar tidak meninggalkan

peralatan selepas selesai berniaga namun teguran itu tidak diendahkan,” katanya.

Mengulas lanjut, Mohd Rashidi berkata, peniaga itu didapati melanggar prosedur operasi standard (SOP) bagi Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) selepas berniaga melebihi tempoh ditetapkan iaitu jam 12 tengah malam.

Menurutnya, dalam operasi itu, pihak MBSA menyita barangan perniagaan sebuah lagi premis ditinggalkan di tempat awam serta sebuah premis yang menjual minuman serta rokok.

“Semua tindakan sitaan diambil mengikut Undang-Undang Kecil Penjaja MBSA 2007 Peruntukkan 19 (Meninggalkan Barang Perniagaan Di tempat Awam) dan Peruntukkan 3 (Menjaja Tanpa Lesen) serta Peruntukkan 42 (Kuasa Sitaan),” katanya.

Mengenai dakwaan wujud premis perjudian di situ, beliau berkata, pihaknya akan bekerjasama dan membantu polis dalam menjalankan siasatan, sekali gus mengambil tindakan jika dakwaan benar.

Mohd Rashidi juga menegaskan



Saya berharap supaya orang ramai dapat menyalurkan aduan secara terus kepada MBSA sekiranya mempunyai maklumat berkaitan salah laku kakitangan”

Mohd Rashidi

pihaknya tidak akan berkompromi dengan mana-mana kakitangan yang menyalah guna kuasa dalam isu berkenaan dan mereka yang disabit bersalah akan diambil tindakan tegas.

“Saya berharap supaya orang ramai dapat menyalurkan aduan secara terus kepada MBSA sekiranya mempunyai maklumat berkaitan salah laku kakitangan ataupun anggota penguatkuasaan kami.

“Laporan boleh dibuat secara e-mel kepada aduanintegriti@mb-sa.gov.my atau telefon 03-55105133 sambungan 1671,” katanya.



KERATAN AKHBAR 10 OGOS 2020 (ISNIN)



AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	Selangor beri nasihat 3 bulan
MUKA SURAT	8

Selangor beri nasihat 3 bulan M/S-8

Shah Alam: Beri amaran dan nasihat selama tiga bulan dahulu sebelum kompaun RM1,000 dikenakan ke atas individu yang merokok dan meminum minuman keras di taman awam di seluruh Selangor.

Tindakan itu susulan larangan merokok dan meminum arak di taman awam yang disenarai sebagai kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil Taman 2005 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Selangor sejak 14 Julai lalu.

Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari berkata, tindakan kompaun sepatutnya sudah boleh diambil, namun pihaknya mahu memulakan dengan mendidik penduduk dahulu menerusi nasihat dan memberi amaran.

“Kita akan mulakan dengan aktiviti pendidikan dan memasang papan tan-

da larangan serta mengedarkan risalah sebelum tindakan tegas diambil.

“Kita mahu ia dijalankan seperti kempen larangan merokok di restoran dan kedai makan, yang mana dimulakan dengan nasihat serta amaran,” katanya selepas Majlis Pelancaran Kempen Larangan Aktiviti Minum Arak dan Merokok di Taman Tasik Shah Alam, di sini semalam.

Hadir sama Exco Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru negeri, Ng Sze Han dan Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Haris Kassim.

Amirudin berkata, peraturan itu diharap dapat menimbulkan suasana lebih harmoni serta mengurangkan kebimbangan masyarakat apabila berkunjung ke taman awam.

AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	6 PREMIS JUDI HARAM DI SUNGAI BULOH DISERBU
MUKA SURAT	6

6 premis judi haram di Sungai Buloh diserbu



Shafa'aton bersama anggotanya memeriksa sebuah pusat judi haram yang tidak beroperasi di Bandar Baru Sungai Buloh, semalam. (Foto Hairul Anuar Rahim /BH)

Polis dapati 5 kedai tidak beroperasi seperti didakwa dalam video tular

Oleh Safeek Affendy Razali
bhnews@bh.com.my

Sungai Buloh: Polis Sungai Buloh melakukan serbuan ke enam premis di sini yang disyaki menjadi tempat aktiviti perjudian dalam talian seperti didakwa dalam dua klip video yang tular, kelmarin.

Gerakan yang dilancarkan kira-kira jam 5 petang dan berakhir jam 11.30 malam kelmarin itu bagaimanapun mendapati hanya satu daripada lima premis berkenaan yang terletak di sekitar kawasan Bandar Baru Sungai Buloh masih beroperasi, manakala baki lima dalam keadaan berkunci.

Ketua Polis Daerah Sungai Buloh, Superintendan Shafa'aton Abu Bakar, berkata selepas penyebaran video berkenaan, polis melakukan enam serbuan ke premis yang didakwa menjadi tempat aktiviti perjudian dalam talian.

"Dalam serbuan ke sebuah premis, polis menahan dua lelaki warga Bangladesh dan merampas empat peranti tablet, satu peranti tablet kawalan utama, satu unit modem dan wang tunai RM114.

"Lima premis berasingan pula didapati dalam keadaan berkunci. Polis terpaksa menggunakan pemotong besi untuk membuka pintu dan pemeriksaan kemudian mendapati semua tidak berope-

rasi seperti dakwaan dalam video yang tular itu," katanya pada sidang media, di sini semalam.

Shafa'aton menegaskan, sebelum video itu ditularkan lagi, polis sudah pernah membuat serbuan di beberapa lokasi disyaki menjadi tempat aktiviti terbabit, termasuk yang pemilik perniagaannya juga sudah didakwa.

"Kita percaya operasi perjudian dalam talian dilakukan sindiket yang berbeza kerana polis sudah melakukan beberapa serbuan di kawasan berkenaan sebelum ini," katanya.

Sehubungan itu, katanya, tindakan individu terbabit memuat naik dua video secara langsung menerusi akaun Facebook Hot Burger Malaysia kelmarin, boleh menimbulkan fitnah dan mero-

sakkan imej keseluruhan pasukan polis dan pegawai kanan polis daerah berkenaan serta Selangor.

"Maklumat yang diberikan dalam video itu tidak tepat sehingga boleh menjatuhkan kredibiliti polis dalam menangani kegiatan perjudian di Sungai Buloh," katanya.

Beliau menjelaskan, individu yang membuat dakwaan itu juga tidak pernah tampil menyalurkan maklumat kepada polis mengenai kewujudan premis judi dan penjualan rokok seludup oleh warga asing di kawasan berkenaan.

Shafa'aton turut mempersoalkan motif individu yang menularkan video terbabit apabila mendakwa nyawanya terancam kerana membuat pendedahan itu.

"Kita sedang mengesan dan

Kita percaya operasi perjudian dalam talian dilakukan sindiket yang berbeza kerana polis sudah melakukan beberapa serbuan di kawasan berkenaan sebelum ini.

Shafa'aton Abu Bakar,
Ketua Polis Daerah
Sungai Buloh

akan memanggilnya dalam masa terdekat untuk menjalankan siasatan, termasuk mendapatkan maklumat mengenai pendedahannya itu," katanya.

Sementara itu, Shafa'aton berkata, sepanjang tahun ini, IPD Sungai Buloh melakukan sembilan serbuan dengan kejayaan tujuh tangkapan ke atas penjaga premis perjudian, lapan tangkapan individu berjudi, lima rampasan komputer riba dan 23 rampasan peranti tablet serta wang tunai sebanyak RM546.

Beliau memaklumkan, seorang pegawai polis dari Ibu Pejabat Polis Daerah Sungai Buloh sudah membuat laporan polis mengenai dakwaan itu, manakala satu lagi laporan dibuat oleh Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

"Dalam video berkenaan juga didapati pemilik akaun tidak berpuas hati dengan tindakan penyitaan ke atas gerai burger miliknya yang dilakukan MBSA," katanya.

Kelmarin, dua klip video yang masing-masing berdurasi 13.28 saat dan 8.29 saat tular selepas dikongsi seorang individu menggunakan akaun Facebook Asri Janggut.

Dia juga mendakwa ada unsur rasuah membabitkan pegawai pihak berkuasa tempatan dan polis sehingga kegiatan haram berkenaan wujud di kawasan terbabit.

Jamin tindakan segera banteras kegiatan: KPN

Kuala Lumpur: Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador memberi jaminan tindakan segera akan diambil bagi membanteras kegiatan mesin judi, penjualan rokok seludup dan aktiviti perniagaan haram warga asing di kawasan Sungai Buloh.

Sambil berterima kasih kepada individu yang mendedahkan kegiatan terbabit menerusi satu video yang tular kelmarin, beliau berkata, tindakan tegas pasti diambil termasuk terhadap mereka yang bersekongkol dalam aktiviti jena-

yah itu.

Abdul Hamid menegaskan, Bukit Aman sudah memulakan tindakan sebaik pendedahan mengenai kegiatan itu dibuat menerusi video oleh seorang peniaga, dipercayai penjual burger di kawasan Sungai Buloh.

"Bagus ada pihak yang berani dan ikhlas mendedahkan situasi sebenar di lapangan dan kita bertindak segera ke atas semua kegiatan yang salah ini," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.



KERATAN AKHBAR 10 OGOS 2020 (ISNIN)



AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	MBSA SITA PENIAGA BURGER DIDAKWA LANGGAR SOP
MUKA SURAT	6

MBSA sita peniaga burger didakwa langgar SOP

Shah Alam: Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) mengambil tindakan menyita barangan perniagaan seorang peniaga burger di Sungai Buloh selepas teguran dan nasihat tidak diendahkan.

Timbalan Datuk Bandar, Mohd Rashidi Ruslan, berkata dalam tempoh dua bulan, MBSA sudah dua kali melakukan tindakan sitaan barangan milik peniaga sama selepas teguran dan nasihat tidak diambil peduli.

"Tindakan sitaan diambil me-

ngikut Undang-Undang Kecil Penjaja MBSA 2007 Peruntukan 19 (Meninggalkan Barang Perniagaan Ditempat Awam) dan Peruntukan 3 (Menjaja Tanpa Lesen) serta Peruntukan 42 (Kuasa Sitaan).

"Ia berikutan peniaga berkenaan meninggalkan peralatan perniagaan selepas selesai berniaga sehingga menimbulkan masalah lalu lintas dan juga terhadap keselamatan pengguna jalan raya.

"Sebelum ini, MBSA sudah memberikan teguran dan nasihat



Mohd Rashidi Ruslan

kepada peniaga itu agar tidak meninggalkan peralatan selepas selesai melakukan perniagaan, namun teguran itu tidak diendahkan," katanya, semalam.

Mengulas video tular mengkritik MBSA kerana menyita barangan peniaga itu, beliau berkata, individu terbabit juga didapati melanggar prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), iaitu berniaga di luar waktu dibenarkan atau melebihi jam 12 tengah malam.

Katanya, dalam operasi sama, MBSA turut melakukan tindakan penyitaan ke atas satu lagi premis yang meninggalkan barangan perniagaan serta sebuah premis yang menjual barangan minuman dan rokok.

Mengenai dakwaan kewujudan premis perjudian di Bandar Baru Sungai Buloh, Mohd Rashidi berkata, MBSA akan bekerjasama dengan polis bagi membantu siasatan dan tindakan selanjutnya akan diambil sekiranya siasatan mendapati dakwaan itu benar.

AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	LARANGAN MINUM ARAK, MEROKOK DI TAMAN AWAM
MUKA SURAT	15

Larangan minum arak, merokok di taman awam

Selangor beri tempoh tiga bulan sebelum dikenakan tindakan kompaun

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Tindakan amaran dan nasihat akan dilaksanakan dalam tempoh tiga bulan terhadap individu yang merokok serta meminum minuman keras di taman awam di Selangor.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata tindakan kompaun sepatutnya sudah boleh diambil, namun beliau mahu memulakan larangan itu dengan amaran dan nasihat terlebih dahulu.

“Kita akan mulakan dengan aktiviti pendidikan termasuk memasang papan tanda larangan dan mengedarkan risalah sebelum tindakan tegas diambil.

“Kita mahu ia dijalankan seperti kempen larangan merokok di restoran dan kedai makan yang mana ia dimulakan dengan nasihat serta amaran,” katanya pada sidang media selepas Pelancaran Kempen Larangan Aktiviti Minum Arak dan Merokok di Taman Tasik Shah Alam, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru Selangor, Ng Sze Han serta Datuk



Amirudin (dua dari kiri) melancarkan kempen larangan merokok dan meminum arak di taman awam Selangor di Taman Tasik Shah Alam, semalam.
(Foto Norzamira Che Noh /BH)

Bandar Shah Alam, Datuk Haris Kassim.

Amirudin berkata, peraturan itu diharapkan dapat menimbulkan suasana lebih harmoni dan mengurangkan kebimbangan masyarakat serta komuniti apabila berkunjung ke taman awam terutama apabila membawa anak-anak.

Katanya, jika kempen larangan itu berkesan, kerajaan negeri bersedia mengkaji larangan sama di kawasan awam lain.

Terdahulu, pada 14 Julai lalu, larangan berkenaan diumumkan

Kita mulakan dengan aktiviti pendidikan, termasuk memasang papan tanda larangan dan mengedarkan risalah sebelum tindakan tegas diambil.

Amirudin Shari,
Menteri Besar Selangor

Sze Han pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) dan ia dimasukkan dalam senarai kesalahan di Undang-Undang Kecil Taman 2005 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor.

Selangor menjadi negeri pertama di Malaysia melarang meminum arak dan merokok di taman permainan serta taman rekreasi di seluruh negeri ini.

Individu yang didapati merokok atau meminum arak di taman awam boleh dikompaun RM1,000.